

22 AUG 2002

MIER-KDNK/I

MIER: PERTUMBUHAN KDNK SUKU KETIGA, KEEMPAT 5-6 PERATUS

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dalam suku ketiga dan keempat tahun ini dijangka lebih tinggi daripada 3.8 peratus yang dicapai dalam suku kedua, kata Dr Mohammed Ariff Abdul Kareem, pengarah eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia.

Gabungan pertambahan permintaan eksport dan langkah rangsangan fiskal kerajaan akan menghasilkan pertumbuhan di antara lima dan enam peratus dalam tempoh enam bulan kedua tahun ini, katanya kepada pemberita pada persidangan "Dinamik Pasaran Kewangan Islam", yang berlangsung di sini, hari ini.

"Kita menjangkakan pertumbuhan KDNK yang lebih baik dalam suku ketiga dan keempat (daripada suku kedua) iaitu pada sekitar 5.0 hingga 6.0 peratus.

"Pemulihan ekonomi kini benar-benar rancak dalam suku kedua; memang sudah ada petanda-petanda yang jelas," katanya.

Antara petanda-petanda itu ialah pemulihan prestasi sektor perkilangan dan eksport, kata Dr Mohammed Ariff.

Permintaan domestik yang dapat dikekalkan dan pemulihan eksport membantu Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 3.8 peratus dalam suku kedua tahun ini.

Mengumumkan prestasi ekonomi bagi suku kedua semalam, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata bahawa sektor eksport mencatat pertumbuhan tahunan yang positif sebanyak 5.3 peratus, iaitu pertama kali sejak suku pertama tahun lalu.

Ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan kukuh eksport elektronik dan kadar syarat perdagangan yang positif ekoran peningkatan harga minyak sawit, getah, koko dan kayu gergaji.

Sektor perkilangan juga pulih dalam suku kedua dan menerajui pertumbuhan dengan nilai ditambah meningkat sebanyak 5.6 peratus (suku pertama -2.3), pertumbuhan positif pertama sejak suku pertama tahun lalu.

Dr Mohammed Ariff juga berkata bahawa MIER menjangkakan bahawa eksport akan meningkat lebih cepat dalam suku kedua daripada sebelumnya memandangkan bahawa nilai ringgit telah turun secukupnya untuk merangsang permintaan eksport.

"Ini menjadikan eksport Malaysia lebih murah, bukan sahaja di AS tetapi juga di luar (AS)," tegasnya.

Dr Mohammed Ariff berkata, adalah wajar bagi Bank Negara Malaysia menyemak unjuran pertumbuhan sebanyak 3.5 peratus bagi tahun 2002 yang dibuatnya terdahulu.

Semalam, Dr Zeti berkata bahawa satu semakan akan dibuat dan akan diumumkan dalam Belanjawan 2003/2004 yang akan dibentangkan pada 20 Sept oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada potensi bagi pencapaian prestasi yang lebih baik daripada ramalan yang kita buat," kata Dr Zeti.

Menyentuh tentang ramalan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus bagi tahun 2002 yang dibuat oleh MIER, Dr Mohammed Ariff berkata, panel pemikir ekonomi masih lagi berpegang kepada unjuran asal.

Ditanya sama ada pertumbuhan luar negara yang lembap boleh menjejaskan unjuran pertumbuhan 4.5 peratus oleh MIER itu, beliau berkata, perkembangan di AS tidak mungkin menjejaskan prestasi pertumbuhan Malaysia tahun ini.

Katanya, masalah-masalah yang melanda sektor kewangan di AS belum

menjejaskan sektor-sektor lain seperti sektor hartanah.

"Ia mungkin berlaku, tetapi kemudian nanti. Bagi tahun ini, kemungkinan ia berlaku, amat tipis," katanya. -- BERNAMA

LES SHY KY NHD